



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



SIKAP GURU TERHADAP PERUBAHAN DI SEKOLAH
KEBANGSAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

TEACHER ATTITUDES TOWARD CHANGE IN NATIONAL SCHOOLS AT
PENINSULAR MALAYSIA

Nan Poh Lai^{1*}, Mei Kin Tai², Abdull Kareem Omar³

¹ Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: nanpoh88@yahoo.com

² Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: taimeikin@fpe.upsi.edu.my

³ Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: omar@fpe.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.02.2020

Revised date: 27.02.2020

Accepted date: 17.03.2021

Published date: 31.03.2021

To cite this document:

Lai, N. P., Tai, M. K., & Omar, A. K. (2021). Sikap Guru Terhadap Perubahan Di Sekolah Kebangsaan Di Semenanjung Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (38), 209-222.

DOI: 10.35631/IJEPC.6380017.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap *Sikap Guru Terhadap Perubahan (SGTP)* dalam kalangan guru di Sekolah Kebangsaan (SK) di Semenanjung Malaysia. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap *SGTP* berdasarkan dimensi *Kognitif*, *Afektif* dan *Tingkah Laku*. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kuantitatif yang menggunakan pendekatan tinjauan soal selidik. Seramai 384 orang guru SK merupakan responden dalam kajian ini. Dapatan kajian ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan skor min dan sisihan piawai. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap *SGTP* secara keseluruhannya berada pada kuadran *Penerimaan* (Min=4.38, SP=.57). Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan dimensi *Kognitif* (Min=4.53, SP=.71), dimensi *Afektif* (Min=4.18, SP=.68) dan dimensi *Tingkah Laku* (Min=4.43, SP=.59) *SGTP* berada pada kuadran *Penerimaan*. Kajian ini dapat menyumbang kefahaman kepada para guru tentang kepentingan sikap mereka terhadap perubahan yang dilaksanakan di sekolah. Dapatan kajian ini memberi maklumat kepada pihak berkaitan untuk merancang program atau latihan yang sesuai bagi meningkatkan *SGTP* di sekolah.

Kata Kunci:

Sikap Guru Terhadap Perubahan, Kognitif, Afektif, Tingkah Laku, Sekolah Kebangsaan

Abstract:

The study aims to identify the level of Teacher Attitudes Toward Change (TATC) among teachers in National Schools (NS) at Peninsular Malaysia. In particular, this study aims to identify TATC levels based on Cognitive, Affective, and Behavioral dimensions. This study applied a quantitative method using a survey approach. A total of 384 teachers of NS were involved in this study. The study employed descriptive statistics by obtaining the mean score and standard deviation. The findings of the study revealed that the TATC's level as a whole was located in the quadrants of Acceptance (Mean=4.38, SD=.57). In addition, the findings of the study showed that the Cognitive (Mean=4.53, SD=.71), Affective (Mean=4.18, SD=.68), and Behavioral dimension (Mean=4.43, SD=.59) of TATC were also located at the quadrant of Acceptance. The study contributes to the teachers' understanding of the importance of their attitudes toward changes in the school. The findings of the study also provide information to the related parties to plan appropriate training programmes to enhance TATC in school.

Keywords:

Teacher Attitudes Towards Changes, Cognitive, Affective, Behavioural, National School

Pengenalan

Pelbagai perubahan yang berlaku akibat globalisasi telah menuntut institusi pendidikan seperti sekolah untuk melaksanakan perubahan pendidikan bagi mencapai matlamat penambahbaikan sistem pendidikan yang sedia ada (Yu, Leithwood & Jantzi, 2002). Dalam usaha untuk merealisasikan perubahan dalam sistem pendidikan, guru-guru perlu mengubah cara pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang seiring dengan perkembangan abad ke-21. Misalnya di Malaysia, guru-guru perlu menerapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pengajaran, pendidikan yang bertunjangkan pengintegrasian empat bidang iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Abdul Said Ambotang, 2013; Abdullah, Zain, Nair, Abdullah & Ismail, 2016). Guru sebagai pelaksana perubahan di sekolah merupakan individu paling penting yang menentukan keputusan perubahan dalam proses perubahan (Fullan, 2001; Tai & Omar, 2016).

Namun begitu, pelbagai perubahan yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan pada hari ini tidak berjaya dilaksanakan sepenuhnya seperti yang dihasratkan oleh pelbagai pihak (Balogun dan Hope-Hailey 2004; KPM, 2013). Individu yang tidak selesa dengan perubahan atau tidak ingin untuk berubah merupakan punca utama yang mempengaruhi kejayaan atau kegagalan sesuatu perubahan yang akan dilaksanakan (Kotter 1999; Trader-Leigh 2001; Aslan, Beycioglu & Konan 2008; Bouckenooghe 2009; Tai & Omar, 2016).

Sikap individu merupakan peramal yang baik dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu perubahan di sesebuah organisasi (Nilakant & Ramanarayan, 2006; Hayes, 2010). Dalam bidang pendidikan, perubahan yang berlaku di sekolah harus disokong dan dilaksanakan oleh guru. Sikap guru merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kesediaan perubahan di sekolah. Justeru, sekiranya guru tidak menerima perubahan yang dilaksanakan dengan sikap positif, maka perubahan tersebut berkemungkinan tidak berjaya dilaksanakan. *Sikap Guru Terhadap Perubahan (SGTP)* dianggap sebagai indikator yang

paling penting dalam menentukan perubahan di sekolah (Bouckenooghe, 2009; Rafedzi, Zainal, Yu, & Kamal, 2018; Tai & Omar, 2017b).

Pernyataan Masalah

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang sedang membangun dan telah banyak melabur dalam pembangunan sistem pendidikan. Sistem pendidikan Malaysia telah masuk satu tempoh intensif dengan pengenalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025). Dalam usaha untuk meningkatkan sistem pendidikan yang dinamik, sebelas anjakan strategik telah dicadangkan bagi meningkatkan sistem pendidikan (KPM, 2013). Memang tidak dapat dinafikan bahawa perubahan yang dijalankan itu sangat rumit dan berskala besar. Justeru, sama ada guru mempunyai sikap yang positif terhadap perubahan dianggap sebagai penentu utama kejayaan atau kegagalan PPPM 2013-2015 itu.

Sikap Guru Terhadap Perubahan (SGTP) amat bergantung faktor penarik (*pulling factor*) dan faktor penolak (*pushing factor*) untuk mendorong guru bagi menyokong sesuatu perubahan (Muhd Suhaimi, Mohd Yusof, Baharom Mohd Roslee, Abdul Said & Shukri Zain, 2013). Walau bagaimanapun, hanya terdapat beberapa kajian berkaitan dengan SGTP telah dijalankan di sekolah di Malaysia. Kajian-kajian tersebut dijalankan di Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi (Tai & Omar, 2014), Sekolah Menengah Berprestasi Serdehana (Tai & Omar, 2016), sekolah rendah (Abu Hassan, Rabbani, Mohamad Shukor & Abdul Majid, 2018) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di negeri Perak Darul Rizduan (Tai & Omar, 2019). Namun begitu, kurangnya kajian-kajian yang berkaitan dengan SGTP khususnya dijalankan di Sekolah Kebangsaan (SK). Oleh itu, adalah perlu untuk pengkaji bagi melaksanakan kajian mengenai perkara tersebut di SK untuk mendapat maklumat yang berkaitan.

Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu:

1. Mengetahui tahap *Sikap Guru Terhadap Perubahan (SGTP)* di Sekolah Kebangsaan (SK) di Semenanjung Malaysia.
2. Mengetahui tahap *Sikap Guru Terhadap Perubahan (SGTP)* di Sekolah Kebangsaan (SK) di Semenanjung Malaysia dari segi dimensi *Kognitif*, dimensi *Afektif* dan dimensi *Tingkah Laku*.

Tinjauan Literatur

Konsep Sikap

Menurut Dunham, Grube, Gardner, Cummings dan Pierce (1989) serta Fishbein dan Ajzen (2010), sikap boleh ditakrifkan sebagai kecenderungan untuk bertindak balas terhadap objek atau perkara dengan cara yang baik atau sebaliknya. Secara khususnya, sikap boleh dikategorikan kepada tiga komponen utama yang merangkumi dimensi *Kognitif*, dimensi *Afektif* dan dimensi *Tingkah Laku* (Dunham et al., 1989; Eagly & Chaiken, 1993; Farley & Stasson, 2003). Dimensi *Kognitif* boleh dilihat melalui pengetahuan atau tanggapan yang diperoleh daripada hubungan pengalaman langsung dengan objek rangsangan serta maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber. Manakala dimensi *Afektif* pula terbentuk melalui perasaan atau emosi terhadap bahan rangsangan yang menjadi penilaian kepada individu sama ada suka atau sebaliknya. Dimensi *Tingkah Laku* pula berkaitan dengan kecenderungan individu untuk melaksanakan sesuatu tindakan iaitu memberi tindak balas terhadap bahan rangsangan yang diterima (Eagly & Chaiken, 1993).

Konsep Sikap Guru Terhadap Perubahan

SGTP merupakan keadaan dalaman yang mempengaruhi pilihan peribadi guru atau kecenderungan mereka untuk bertindak balas terhadap perubahan. SGTP merujuk kepada penilaian positif atau negatif guru tentang inisiatif perubahan yang dilaksanakan oleh sekolahnya (Piderit, 2000; Oreg, 2006; Tai & Omar, 2017b). Secara khususnya, SGTP terdiri daripada tiga komponen utama iaitu tindak balas *Kognitif* terhadap perubahan, tindak balas *Afektif* terhadap perubahan dan tindak balas *Tingkah Laku* terhadap perubahan.

Tindak balas *Kognitif* terhadap perubahan ialah kepercayaan guru tentang perlu atau tidak sesuatu perubahan dilaksanakan, kepentingan tentang perubahan yang dilaksanakan dan sejauh mana perubahan yang berlaku itu akan membawa kebaikan kepada individu dan organisasi serta pemahaman dan pengetahuan yang diperlukan dalam menguruskan perubahan yang dilaksanakan (Oreg, 2006; Piderit, 2000; Tai & Omar, 2014).

Tindak balas *Afektif* terhadap perubahan pula ialah perasaan guru tentang sesuatu perubahan yang dilaksanakan itu. Tindak balas ini ialah kecenderungan perasaan guru terhadap perubahan yang dilaksanakan di sekolah. Tanggapan guru untuk berubah adalah berdasarkan dimensi emosi mereka yang boleh terdiri daripada emosi positif seperti kegembiraan, kehairahan dan kebahagiaan manakala emosi negatif seperti kemarahan, kebencian, kekecewaan, kecemasan atau ketakutan (Oreg, 2006; Piderit, 2000).

Tindak balas *Tingkah Laku* terhadap perubahan bermaksud sejauh mana guru akan mengambil tindakan untuk menyokong atau menentang sesuatu perubahan yang dilakukan di sekolah mereka. Tindak balas ini boleh terdiri daripada niat positif yang kukuh seperti menyokong perubahan iaitu mengambil bahagian secara aktif dalam perubahan. Namun begitu, tindak balas ini juga boleh terdiri daripada niat negatif iaitu menentang perubahan seperti berhenti menyokong perubahan yang dijalankan (Oreg, 2006; Piderit, 2000).

Kuadran Sikap Guru Terhadap Perubahan

Menurut Tai dan Omar (2017), untuk menerangkan SGTP secara terperinci, SGTP boleh dikategorikan kepada empat kuadran iaitu *Merangkul*, *Penerimaan*, *Tidak Peduli* dan *Penentangan*. Untuk menjelaskan keempat-empat kuadran tersebut, tiga faktor dimensi utama SGTP iaitu tindak balas *Kognitif*, tindak balas *Afektif* dan tindak balas *Tingkah Laku* dijadikan sebagai indikator penting.

Menurut Tai dan Omar (2017b), dari segi tindak balas *Kognitif*, guru yang berada dalam kuadran *Merangkul* adalah golongan yang sangat mempercayai bahawa perubahan akan meningkatkan keberkesanan sekolah dan membawa faedah kepada sekolah mereka. Dari segi tindak balas *Afektif*, mereka juga sangat bermotivasi, bersemangat dan bangga dengan perubahan yang telah dicadangkan oleh pihak sekolah. Dari segi tindak balas *Tingkah Laku* pula, golongan guru ini tidak hanya terlibat dengan aktif dan bertanggungjawab dalam melaksanakan perubahan di sekolah, malah mereka turut memberi inspirasi dengan menarik orang lain untuk terlibat bersama dalam perubahan tersebut. Secara ringkasnya, mereka mempamerkan semangat, tenaga, kegembiraan, kesungguhan dan mempunyai harapan yang tinggi untuk terlibat bersama dalam perubahan di sekolah.

Seterusnya, Tai dan Omar (2017b) berpendapat dari segi tindak balas *kognitif*, para guru yang berada dalam kuadran *Penerimaan* merupakan golongan guru yang percaya bahawa

perubahan itu adalah perlu dan perubahan yang dilaksanakan itu sesuai untuk sekolah mereka. Selain itu, mereka juga dilihat berasa senang dengan perubahan tersebut, prihatin dan menghargai perubahan tersebut dari segi tindak balas *Afektif*. Sementara itu, dari segi tindak balas *Tingkah Laku*, golongan guru ini hanya melakukan apa yang diperlukan sahaja dalam perubahan tanpa memikirkan sama ada orang lain berminat atau sebaliknya terhadap perubahan tersebut.

Selanjutnya, dari segi tindak balas *kognitif*, Tai dan Omar (2017b) menyatakan bahawa golongan guru yang berada dalam kuadran *Tidak Peduli* adalah mereka yang percaya bahawa tidak kira bagaimana perubahan itu dilaksanakan, perubahan itu tidak dapat memberi kesan kepada keberkesanan sekolah mereka. Manakala dari segi tindak balas *Afektif*, mereka ini tidak mempunyai perasaan yang jelas tentang perubahan tersebut dan akan menjauhkan diri dari perubahan tersebut (Tai & Omar, 2017b). Dari segi tindak balas *Tingkah Laku* pula, golongan guru ini cenderung untuk menunjukkan bahawa mereka adalah bersikap neutral dalam perubahan tersebut dan turut mendorong orang lain agar untuk bersikap berkecuali terhadap perubahan itu.

Akhir sekali, dari segi tindak balas *Kognitif*, guru yang berada dalam kuadran *Penentangan* adalah golongan guru yang percaya bahawa perubahan adalah tidak perlu dan tidak sesuai untuk dilaksanakan di sekolah mereka (Tai & Omar, 2017b). Selain itu, dari segi tindak balas *Afektif*, golongan guru ini juga menunjukkan perasaan kemarahan dan permusuhan terhadap aktiviti perubahan yang dilaksanakan (Tai & Omar, 2017b). Dari segi tindak balas *Tingkah Laku* pula, golongan guru ini juga enggan mengambil bahagian dalam sebarang bentuk aktiviti perubahan yang dijalankan dan berkemungkinan besar untuk merekrut orang lain demi mendapatkan sokongan bersama bagi menentang atau mensabotaj rancangan perubahan yang dijalankan (Tai dan Omar, 2017b).

Kajian-Kajian Lepas Mengenai Sikap Guru Terhadap Perubahan

Tai dan Omar Abdull Kareem (2014) telah menjalankan kajian SGTP di Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi (SMBT) ke atas 936 orang guru dan mendapati guru-guru di sekolah tersebut mempunyai skor sikap yang tinggi terhadap perubahan. Skor yang tinggi terhadap perubahan dalam dimensi *Kognitif*, diikuti dengan dimensi *Tingkah Laku* dan dimensi *Afektif*. Dimensi *Kognitif* mempunyai skor yang paling tinggi kerana guru mempunyai kesedaran tentang kepentingan perubahan yang dilaksanakan di sekolah mereka. Dimensi *Afektif* mempunyai skor yang paling rendah mungkin disebabkan oleh para guru tidak suka akan perubahan kerana perubahan yang dilaksanakan akan mengganggu rutin dan amalan harian mereka serta mengurangkan autonomi mereka (Tai & Omar, 2014).

Selain itu, Tai dan Omar Abdull Kareem (2016) juga menjalankan kajian untuk mengenal pasti SGTP secara perbandingan antara Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi (SMBT) dan Sekolah Menengah Berprestasi Sederhana (SMBS). Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa guru di SMBT mempunyai skor SGTP yang lebih tinggi berbanding dengan guru di SMBS. Dapatan kajian juga menunjukkan guru-guru di SMBT mempunyai skor SGTP yang lebih tinggi dalam dimensi *Tingkah Laku* manakala guru di SMBS pula mempunyai skor yang lebih tinggi dalam dimensi *Kognitif*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru di SMBT menerima hakikat kepentingan perubahan dan bertindak untuk menyokong perubahan yang dilaksanakan mengikut keperluan sekolah. Guru-guru di SMBS memahami kepentingan perubahan terhadap sekolah tetapi pemahaman itu masih berada pada tahap *Kognitif* sahaja

dan belum direalisasikan pada peringkat *Tingkah Laku*. Hal ini berlaku berkemungkinan besar dipengaruhi oleh budaya kedua-dua jenis sekolah tersebut.

Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Abu Hassan, Rabbani, Mohamad Shukor, dan Abdul Majid (2018) terhadap 865 orang guru di sekolah-sekolah Malaysia dengan menggunakan instrumen Skala SGTP yang diadaptasi daripada kajian Tai dan Omar (2017a) pula mendapati bahawa SGTP berada pada tahap yang sederhana. Menurut Abu Hassan et al. (2018), lazimnya para guru memahami kepentingan tentang perubahan yang berlaku di sekolah dan mampu untuk menerima perubahan tersebut. Namun begitu, sekiranya sesuatu perubahan yang berlaku di sekolah itu tidak dapat membawa manfaat yang besar, perkara ini seterusnya boleh menyebabkan SGTP mereka tidak menunjukkan tahap yang tinggi. Aspek-aspek seperti kondisi kelas, masa, tekanan peperiksaan dan sokongan daripada pihak pentadbir mungkin merupakan antara faktor-faktor yang menyebabkan SGTP tidak dapat dirangsangkan di sekolah (Abu Hassan et al., 2018).

Seterusnya, kumpulan penyelidik yang sama iaitu Tai dan Omar (2019) juga telah menjalankan kajian berkaitan dengan SGTP terhadap 473 orang responden dari SJKC di negeri Perak Darul Ridzuan yang bertujuan untuk mengenal pasti corak SGTP di sekolah-sekolah tersebut. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa guru-guru di SJKC mencapai tahap SGTP yang agak baik berdasarkan ketiga-tiga dimensi SGTP iaitu dimensi *Kognitif*, dimensi *Afektif* dan dimensi *Tingkah Laku*. Manakala jika diteliti berdasarkan kuadran SGTP pula, dapatan kajian mereka menunjukkan sebanyak 70.82 % guru berada dalam kuadran *Penerimaan*, diikuti dengan sebanyak 21.36 % guru berada dalam kuadran *Merangkul*, kemudian sebanyak 6.34 % guru berada dalam kuadran *Tidak Peduli* dan akhir sekali sebanyak 1.48 % guru berada dalam kuadran *Menentang*. Berhubung dengan dapatan kajian tersebut, Tai dan Omar (2019) telah merumuskan terdapat keperluan bagi meningkatkan dan mempersiapkan kesediaan guru untuk menerima perubahan yang berlaku di SJKC.

Salah satu kajian di luar negara tentang SGTP telah dijalankan oleh Sokal, Eblie Trudel dan Babb (2020) dengan mengadaptasi Skala SGTP oleh Tai dan Omar (2017b) ke atas 1,626 orang guru di negara Kanada secara dua fasa iaitu pada bulan April dan bulan Jun untuk mengenal pasti tahap SGTP semasa pandemik Covid-19. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa skor min SGTP pada bulan April berada pada kuadran *Penerimaan* untuk ketiga-tiga dimensi SGTP iaitu dimensi *Kognitif*, dimensi *Afektif* dan dimensi *Tingkah Laku*. Namun demikian, menjelang fasa kedua iaitu pada bulan Jun, dapatan kajiannya menunjukkan skor min SGTP bagi dimensi *Kognitif* dan dimensi *Afektif* telah berubah menjadi kurang baik iaitu berada pada kuadran *Tidak Peduli*. Walau bagaimanapun, dimensi *Tingkah Laku* dalam SGTP masih kekal dalam kuadran *Penerimaan*. Keadaan tersebut berlaku mungkin berpunca daripada beberapa sebab iaitu seperti cabaran yang terpaksa dihadapi oleh para guru semasa melaksanakan pengajaran dalam pembelajaran secara dalam talian, bimbang akan kesejahteraan pelajar dan ketidaksamaan akses ke atas sumber pendidikan (Sokal et al., 2020). Perkara ini seterusnya telah mengakibatkan para guru berfikiran dan beremosi negatif mengenai perubahan pengajaran dalam talian. Perubahan yang berlaku ini telah menyebabkan para guru kurang yakin tentang kelebihan pengajaran dalam talian sebagai alternatif berbanding dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka yang dilaksanakan sebelum ini (Sokal et al., 2020).

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan tinjauan dengan kaedah soal selidik untuk mengumpul data kajian. Penggunaan kaedah soal selidik merupakan cara yang paling berkesan kerana kaedah ini tidak memerlukan masa yang banyak dan perbelanjaan yang besar. Kaedah ini juga dapat mengumpul data dengan jumlah yang besar (Gay, Mills & Airasian, 2009).

Populasi dan Sampel Kajian

Guru-guru yang berkhidmat di SK di Semenanjung Malaysia sahaja yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat sebanyak 13 buah negeri/wilayah persekutuan di Semenanjung Malaysia dan sebanyak 178,498 orang guru berkhidmat di 5,736 buah SK di Semenanjung Malaysia. Jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan oleh pengkaji untuk menentukan bilangan sampel yang diperlukan dalam kajian ini.

Dengan populasi sebanyak 178,498 orang, bilangan sampel yang ditentukan ialah sebanyak 384 orang (Krejcie dan Morgan, 1970). Sebanyak empat buah SK dipilih secara rawak dari setiap negeri/wilayah persekutuan, manakala sebanyak 10 orang guru dipilih secara rawak dari setiap SK bagi memenuhi tujuan ini. Dengan itu, sebanyak 520 orang guru ($13 \times 4 \times 10$) dikenal pasti sebagai responden. Pengkaji mengambil keputusan untuk mengedarkan sebanyak 520 daripada 384 set borang soal selidik seperti yang dicadangkan demi untuk memastikan jumlah sampel memenuhi kehendak kajian walaupun kadar respon kajian adalah rendah.

Borang Soal Selidik

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A merupakan soalan-soalan jenis norminal yang berkaitan dengan maklumat demografi responden seperti jantina, umur, keturunan, kelayakan akademik dan lokasi sekolah. Manakala bahagian B mengandungi Skala SGTP yang dibina oleh Tai dan Omar (2016). Bahagian ini mengandungi 9 item pernyataan yang merujuk kepada 3 dimensi SGTP iaitu dimensi *Kognitif*, dimensi *Afektif* dan dimensi *Tingkah Laku*. Item-item dalam bahagian B merupakan item jenis ordinal yang mana pengkaji telah menggunakan skala Likert enam mata. Skala yang digunakan dalam bahagian B ini ialah 1 (Amat Tidak Bersetuju – ATB), 2 (Tidak Bersetuju – TB), 3 (Kurang Bersetuju – KB), 4 (Agak Bersetuju – AB), 5 (Bersetuju – B) dan 6 (Amat Bersetuju – AB). Jadual 1 menunjukkan skor min dan kuadran penentuan SGTP di SK di Semenanjung Malaysia.

Jadual 1: Nilai Min dan Kuadran Penentuan Sikap Guru Terhadap Perubahan

Nilai Min	Kuadran
1.00 – 2.24	Penentangan
2.25 – 3.49	Tidak Peduli
3.50 – 4.74	Penerimaan
4.75 – 6.00	Merangkul

(Sumber: Tai & Omar, 2016)

Dapatan Kajian

Demografi Responden

Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis maklumat demografi responden berdasarkan peratusan dan kekerapan. Jadual 2 menunjukkan analisis maklumat demografi responden berdasarkan jantina, umur, keturunan, kelayakan akademik dan lokasi sekolah. Antara 384 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 70.10% (N=269) merupakan perempuan dan 29.90% (N=115) pula merupakan lelaki. Dari segi umur responden pula, sebanyak 33.10% (N=127) responden berumur antara 31–40 tahun, seterusnya diikuti dengan 31.00% (N=119) responden yang berumur antara 41–50 tahun, kemudian diikuti dengan 19.50% (N=75) responden berumur antara 21–30 tahun dan sebanyak 16.40% (N=63) responden berumur antara 51–60 tahun. Responden berumur antara 31–40 tahun mempunyai bilangan yang paling ramai terlibat dalam kajian ini.

Dari segi keturunan responden pula, sebanyak 83.90% (N=339) responden berketurunan Melayu, diikuti dengan 6.50% (N=25) responden berketurunan Cina, 3.10% (N=12) responden berketurunan India dan 2.10% (N=8) responden berketurunan lain-lain. Responden berketurunan Melayu mempunyai bilangan yang paling ramai terlibat dalam kajian ini. Dari segi kelayakan akademik, sebanyak 54.90% (N=211) responden berkelulusan Sarjana Muda, diikuti dengan 25.30% (N=97) responden berkelulusan Sarjana dan 19.80% (N=76) responden berkelulusan Sijil atau Diploma. Tiada seorang pun responden berkelulusan Doktor Falsafah. Responden yang berkelulusan Sarjana Muda mempunyai bilangan yang paling ramai dalam kajian ini. Dari segi lokasi sekolah, sebanyak 63.00% (N=242) responden berasal dari sekolah kawasan bandar manakala sebanyak 37.00% (N=142) responden berasal dari sekolah kawasan luar bandar.

Jadual 2: Maklumat Demografi Responden

Bil	Kategori	N	Peratus (%)
1.	Jantina		
	Lelaki	115	29.90
	Perempuan	269	70.10
2.	Umur		
	21 – 30 Tahun	75	19.50
	31 – 40 Tahun	127	31.00
	41 – 50 Tahun	119	25.60
	51 – 60 Tahun	63	16.40
3.	Keturunan		
	Melayu	339	83.90
	Cina	25	6.50
	India	12	3.10
	Lain – lain	8	2.10
4.	Kelayakan Akademik		
	Sijil/Diploma	76	19.80
	Sarjana Muda	211	54.90
	Sarjana	97	25.30
	Doktor Falsafah	0	0.00
5.	Lokasi Sekolah		

Bandar	242	63.00
Luar Bandar	142	37.00

Tahap Sikap Guru Terhadap Perubahan (SGTP)

Jadual 3 menunjukkan skor min serta sisihan piawai SGTP dan kuadran mengikut dimensinya. Secara keseluruhannya, SGTP di SK di Semenanjung Malaysia berada pada kuadran *Penerimaan* kerana skor minnya adalah 4.38 iaitu di antara 3.50 dan 4.74 (Jadual 1) dengan sisihan piawai sebanyak .57. Dapatan kajian juga menunjukkan dimensi *Kognitif* mempunyai skor min yang tertinggi (Min=4.53, SP=.71) diikuti dengan dimensi *Tingkah Laku* (Min=4.43, SP=.59) dan dimensi *Afektif* (Min=4.18, SP=.68) (Jadual 3). Ketiga-tiga dimensi SGTP iaitu dimensi *Kognitif*, dimensi *Afektif* dan dimensi *Tingkah Laku* juga berada dalam kuadran *Penerimaan* kerana skor minnya di antara 3.50 dan 4.74 (Jadual 1).

Jadual 3: Dimensi, skor min, sisihan piawai SGTP dan kuadran

Dimensi	N	Min	SP	Kuadran
Kognitif	384	4.53	.71	Penerimaan
Afektif	384	4.18	.68	Penerimaan
Tingkah Laku	384	4.43	.59	Penerimaan
SGTP	384	4.38	.57	Penerimaan

Peratusan Responden Mengikut Kuadran SGTP

Jadual 4 pula menunjukkan peratusan responden berdasarkan Kuadran SGTP. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 65.89% (N=253) responden berada dalam kuadran *Penerimaan*, diikuti dengan 26.82% (N=103) responden berada dalam kuadran *Merangkul* dan sebanyak 7.29% (N=28) responden berada dalam kuadran *Tidak Peduli*. Dapatan kajian menunjukkan tiada seorang pun responden berada dalam kuadran *Penentangan*.

Jadual 4: Keperapan dan Peratus Responden berdasarkan Kuadran SGTP

Kuadran	N	Peratus (%)
Merangkul	103	26.82
Penerimaan	253	65.89
Tidak Peduli	28	7.29
Penentangan	0	0.00
Jumlah	384	100.00

Perbincangan

Secara keseluruhannya, SGTP di SK di semenanjung Malaysia yang dikaji ini berada dalam kuadran *Penerimaan*. Dengan itu, boleh dirumuskan bahawa guru-guru di SK di Semenanjung Malaysia mempunyai kesediaan untuk menerima perubahan yang dijalankan di sekolah. Sikap, nilai, budaya sekolah, kepimpinan, komitmen dan latihan yang diberikan mempunyai perkaitan kesediaan guru untuk berubah. Dapatan kajian ini sama dengan dapatan kajian Tai dan Omar Abdull Kareem (2014) yang dijalankan ke atas 936 orang guru di Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi iaitu guru berada dalam kuadran *Penerimaan*. Ini mungkin disebabkan mereka percaya bahawa perubahan diperlukan dan perubahan yang dilaksanakan sesuai untuk sekolah mereka.

Selain itu, hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa skor min dimensi *Kognitif*, dimensi *Afektif* dan dimensi *Tingkah Laku* SGTP dalam kalangan guru-guru di SK di

Semenanjung Malaysia juga berada dalam kuadran *Penerimaan*. Dapatan kajian ini juga sama dengan dapatan kajian Tai dan Omar (2016) yang mendapati guru-guru di Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Menengah Berprestasi Serdehana mempunyai sikap mengikut dimensi *Kognitif*, dimensi *Afektif* dan dimensi *Tingkah Laku* yang berada dalam kuadran *Penerimaan*. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh para guru telah mendapat pendedahan maklumat yang cukup tentang perubahan di sekolah. Maklumat ini seterusnya dapat membentuk kepercayaan mereka (*Kognitif*) untuk bertindak dan menyokong perubahan (*Tingkah Laku*) serta menghargai perubahan (*Afektif*) yang dijalankan tersebut.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Abu Hassan et al. (2018) ke atas 865 orang guru di sekolah-sekolah Malaysia dan mendapati bahawa SGTP berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa SGTP para guru berada dalam kuadran *Penerimaan* secara keseluruhannya manakala SGTP para guru berdasarkan tiga dimensi iaitu dimensi *Kognitif*, dimensi *Afektif* dan dimensi *Tingkah Laku* juga berada dalam kuadran *Penerimaan*. Menurut Abu Hassan et al. (2018), kebiasaannya para guru memahami kepentingan tentang perubahan yang dilaksanakan di sekolah dan mampu untuk menerima perubahan tersebut. Namun begitu, sekiranya sesuatu perubahan yang berlaku di sekolah itu tidak dapat membawa manfaat yang besar, perkara ini seterusnya boleh menyebabkan SGTP tidak menunjukkan tahap yang tinggi.

Seterusnya, hasil dapatan kajian ini juga selari dengan hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Tai dan Omar (2019) di SJKC di negeri Perak Darul Ridzuan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa SGTP para guru berada dalam kuadran *Penerimaan* secara keseluruhannya manakala SGTP para guru berdasarkan tiga dimensi iaitu dimensi *Kognitif*, dimensi *Afektif* dan dimensi *Tingkah Laku* juga berada dalam kuadran *Penerimaan*. Dapatan kajian ini juga menunjukkan para guru mempunyai skor min yang paling tinggi dalam dimensi *Kognitif*, diikuti dengan dimensi *Tingkah Laku* dan dimensi *Afektif*. Oleh itu, menurut Tai dan Omar (2019), terdapat keperluan oleh pelbagai pihak bagi meningkatkan dan mempersiapkan kesediaan guru untuk menerima perubahan yang berlaku di sekolah untuk membantu merealisasikan matlamat perubahan yang selaras dengan agenda perubahan yang tertera dalam PPPM 2013-2025.

Hasil dapatan kajian ini juga menyokong hasil kajian yang dijalankan oleh Sokal et al. (2020) ke atas 1,626 orang guru di negara Kanada secara dua fasa iaitu pada bulan April dan bulan Jun untuk mengenal pasti tahap SGTP semasa pandemik Covid-19. Dapatan kajian mereka telah menunjukkan bahawa skor min SGTP pada bulan April berada pada kuadran *Penerimaan* bagi ketiga-tiga dimensi SGTP iaitu dimensi *Kognitif*, dimensi *Afektif* dan dimensi *Tingkah Laku*. Menurut Sokal et al. (2020), SGTP berada dalam kuadran *Penerimaan* mungkin disebabkan oleh para guru berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk menerima perubahan iaitu melaksanakan pengajaran dalam pembelajaran secara dalam talian semasa menghadapi pandemik Covid-19 ini.

Selanjutnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebanyak 26.82 % guru di SK berada dalam kuadran *Merangkul*. Menurut Tai dan Omar (2017b), dari segi *Kognitif*, para guru yang berada di kuadran ini sangat percaya bahawa perubahan berupaya untuk membantu dalam meningkatkan keberkesanan sekolah dan memberi manfaat kepada sekolah mereka. Golongan guru ini memaparkan semangat, motivasi dan bangga dengan perubahan yang dilakukan. Pada masa yang sama, mereka tidak hanya melibatkan diri dan bertanggungjawab dalam perubahan tersebut, malah mereka juga memberi inspirasi dan menarik guru lain bagi

mendapatkan sokongan bersama untuk melibatkan diri dalam perubahan berkenaan. Secara ringkasnya, golongan guru ini mempamerkan tenaga, kegembiraan dan harapan terhadap perubahan yang dilaksanakan di sekolah mereka (Tai dan Omar, 2017b).

Tambahan pula, menurut Tai dan Omar (2017b), sekiranya bilangan guru yang berada di kuadran *Merangkul* adalah tinggi, maka kebarangkalian kejayaan untuk mencapai matlamat perubahan adalah tinggi. Namun begitu, dapatan ini menunjukkan kurang daripada separuh jumlah guru di SK yang berada di kuadran ini. Oleh itu, reformasi sekolah sudah pastinya tidak mudah dicapai seperti yang dihasratkan. Hal ini berlaku disebabkan oleh para guru merupakan sumber tenaga utama untuk meningkatkan keberkesanan sekolah, maka kapasiti guru adalah sangat penting dalam proses melaksanakan perubahan (Buckner & McDowelle, 2000; Tai & Omar, 2019). Justeru, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa usaha yang berlipat ganda harus dilakukan oleh pemimpin sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan jumlah guru dalam kuadran *Merangkul* sekiranya kita ingin merealisasikan matlamat perubahan yang diharapkan.

Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat 7.29 % guru di SK berada dalam kuadran *Tidak Peduli*. Guru yang berada di kuadran *Tidak Peduli* lazimnya merupakan mereka yang percaya bahawa tidak kira bagaimana perubahan itu dilaksanakan, perubahan itu tidak akan memberi kesan positif kepada keberkesanan dan keberhasilan sekolah (Tai & Omar, 2017b). Tai dan Omar (2017b) menegaskan bahawa golongan guru ini tidak mempunyai perasaan kuat terhadap perubahan itu dan mereka akan menjauhkan diri dari perubahan berkenaan. Mereka juga cenderung menunjukkan bahawa mereka adalah individu yang berkecuali dalam perubahan dan juga menggalakkan orang lain untuk bersikap sedemikian (Tai & Omar, 2017b). Jelasnya di sini, golongan guru ini adalah halangan dalam proses perubahan kerana mereka tidak dapat menyediakan persekitaran yang boleh membawa kesan positif kepada pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan tiada seorang guru di SK berada di kuadran *Penentangan* yang biasanya merupakan mereka yang percaya bahawa sesuatu perubahan itu adalah tidak perlu dan tidak sesuai sama sekali untuk dilaksanakan di sekolah mereka. Dari segi *Afektif*, mereka selalu merasa jengkel dan dalam keadaan penolakan terhadap perubahan yang dijalankan di sekolah. Dari segi *Tingkah Laku*, mereka menunjukkan kemarahan dan bermusuhan terhadap perubahan serta enggan mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti perubahan. Menurut Tai dan Omar (2017b) lagi, mereka ini berkemungkinan merekrut orang lain untuk mendapatkan sokongan bersama bagi menentang atau mensabotaj rancangan perubahan tersebut.

Salah satu sebab mengapa tiada seorang guru di SK yang berada di kuadran *Penentangan* barangkali disebabkan oleh para guru memahami tugas mereka sebagai penjawat awam dan perlu menerima serta melaksanakan perubahan yang diarahkan oleh pihak atasan seperti pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah tanpa mengambil kira sama ada perubahan yang dijalankan itu memberi kebaikan atau bertentangan dengan kehendak mereka, walaupun sebenarnya para guru berasa tidak seronok dengan perubahan disebabkan perubahan yang dijalankan tersebut kerana mungkin mengganggu rutin dan amalan harian mereka di samping mengurangkan autonomi mereka (Tai & Omar, 2017b). Oleh itu, para guru mungkin merasakan bahawa mereka tidak dapat menikmati perubahan di sekolah, malahan perubahan yang dilaksanakan juga akan mengganggu keseimbangan emosi mereka.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru di SK di Semenanjung Malaysia mempunyai SGTP pada kuadran *Penerimaan* iaitu mereka menerima perubahan yang dilaksanakan di sekolah dengan mempercayai bahawa perubahan itu adalah perlu dan perubahan yang dilaksanakan itu sesuai untuk sekolah mereka dari segi dimensi *Kognitif*. Mereka juga dilihat berasa senang dengan perubahan tersebut, prihatin dan menghargai perubahan tersebut dari segi dimensi *Afektif*. Namun, para guru hanya melakukan apa yang diperlukan sahaja dalam perubahan tanpa memikirkan sama ada orang lain berminat atau sebaliknya terhadap perubahan tersebut. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan dimensi *Kognitif*, dimensi *Afektif* dan dimensi *Tingkah Laku* SGTP berada pada kuadran *Penerimaan*. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru di SK di Semenanjung Malaysia mempunyai kesediaan untuk menerima perubahan yang dijalankan di sekolah walaupun kemungkinan mereka tidak berasa selesa atau senorok dengan perubahan yang dilaksanakan di sekolah. Kesediaan guru untuk berubah mempunyai hubungan dengan sikap, nilai, budaya sekolah, kepimpinan, komitmen dan latihan yang diberikan. Kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak yang berkaitan untuk menyediakan kursus atau program yang relevan untuk membantu meningkatkan tahap SGTP di SK. Kajian ini juga telah menambah maklumat mengenai SGTP dan penambahan maklumat ini dapat membantu pengkaji lain dalam kajian lanjut tentang SGTP di negara kita.

Rujukan

- Abdullah, T. S. A., Zain, M. Z. M., Nair, S. G., Abdullah, R., & Ismail, I. (2016). PISA: Malaysia's wake up call for a more balanced approach to education delivery and attainment. In L. M. Thien., A. R. Nordin, J. P. Keeves, & I. G. N. Darmawan (Eds.), *What can PISA 2012 data tell us? Performance and challenges in five participating Southeast Asian countries* (pp. 81-106). Rotterdam, Netherlands: Sense Publisher.
- Abdul Said, Ambotang. (2013). *Cabaran transformasi agenda pendidikan negara*. Minda Pendidik. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Abu Hassan, M. A., Rabbani, M. F., Mohamad Shukor, M. E., & Abdul Majid, M. M. (2018). Sikap Guru Terhadap Perubahan dalam Sekolah di Malaysia. *Management Research Journal*, 7, 188 - 196.
- Aslan, M., Beycioglu, K., & Konan, N. (2008). Principals' openness to change in Malatya, Turkey. *International Electronic Journal for Leadership in Learning*. 12(8), 1-13.
- Balogun, J., & Hope-Hailey, V. (2004). *Exploring strategic change (2nd ed.)*. London: Prentice all.
- Bentea, C.C., & Anghelachea, V. (2012). *Teachers' motivation and satisfaction for professional activity*. *Procedia-Social and Behavioural Sciences*, 33, 563 – 567.
- Bouckenooghe, D. (2009). *Change recipients' attitudes toward change: A review study*. Vlerick Leuven Gent Working Paper Series, 14, 201-217.
- Bovey, W., & Hede, A. (2001). Resistance to organizational change: The role of cognitive and affective processes. *Leadership and Organizational Development Journal*, 22(1), 372-382.
- Buckner, K. G., & McDowelle, J. O. (2000). Developing teacher leaders: Providing comparison between high- and mediocre- performing secondary schools in Malaysia. *International Studies in Educational Administration*, 41(1), 105-128.
- Dunham, R. B., Grube, J. A., Gardner, D. G., Cummings, L. L., & Pierce, J. L. (1989). *The development of an attitude toward change instrument*. Unpublished discussion paper 124, Strategic Management Research Center, University of Minnesota, Minneapolis. encouragement, opportunities and support. National Association for Secondary School

- Eagly, A. & Chaiken.S. (1993). *The psychology of attitudes*. Fort Worth, TX: Harcourt Brace Jovanovich.
- Farley, S.D., & Stasson, M.F. (2003). *Relative influences of affect and cognition on behaviour: Are feelings or beliefs more related to blood donation intentions?* *Experimental Psychology*, 50(1), 55-62.
- Fishbein, M. and Ajzen, I. (2010). *Predicting and Changing Behavior: The Reasoned Action Approach*, Psychology Press, New York.
- Fullan, M. (2001). *The new meaning of educational change (3rd ed.)*. London: Routledge Falmer.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W., (2009). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. New Jersey: Prentice Hall.
- Hayes, J. (2010). *The theory and practice of change management (3rd ed.)*. New York, NY: Palgrave Macmillan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Laporan awal-Ringkasan eksekutif: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kin, T. M., Kareem, O. A. (2019). Teachers' perception of attitudes toward change in the National-type Chinese Primary Schools in Perak, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(4), 402–417.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement*. 30(3):607-610.
- Kotter, J.P. (1999). *Leading change*. Boston: Harvard Business School Press.
- Sokal, L., Eblie Trudel, L., & Babb, J. (2020). Canadian teachers' attitudes toward change, efficacy and burnout during the COVID-19 pandemic. *International Journal of Educational Research Open*.
- Nilakant, V., & Ramanarayan, S. (2006). *Change management: Altering mindset in a global context*. New Delhi: Response Books.
- Oreg, S. (2003). Resistance to change: Developing an individual differences measure. *Journal of Applied Psychology*, 88(4), 680-693.
- Oreg, S. (2006). Personality, context, and resistance to organizational change. *European Journal of Work and Organizational Psychology*, 15(1), 73-101.
- Piderit, S.K. (2000). Rethinking resistance and recognizing ambivalence: A multidimensional view of attitudes toward an organizational change. *Academy of Management Review*, 25(4), 783-794.
- Rafedzi, E. R. K., Zainal, N. K., Yu, H., & Kamal, J. I. A. (2018). Barriers to Access the Information by Male Juvenile Delinquents in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 7(3), 86–95.
- Tai, M.K. & Omar, A. K. (2013). Principals' Change Leadership Competencies: A study in Malaysian high performing secondary school. *Journal of Education and Practice*, 4(27): 101-116.
- Tai, M.K., & Omar, A. K. (2014). Teacher attitudes toward change: A study in Malaysian high performing secondary school. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 21(3), 543-549.
- Tai, M.K., & Omar, A.K. (2016). Teacher Attitudes toward Change: A Comparison between High-and Mediocre-Performing Secondary Schools in Malaysia. *International Studies in Educational Administration*, 44(1), 105 - 127.
- Tai, M. K., & Omar, A. K. (2017b). Measuring teacher attitudes toward change: An empirical validation. *International Journal of Management in Education*, 11(4), 437-469. doi: 10.1504/IJMIE.2017.10005987

- Tai, M. K., & Omar, Abdull. Kareem. (2019). Teachers' perception of attitudes toward change in the National-type Chinese Primary Schools in Perak, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(4), 402–417.
- Trader-Leigh, W. (2001). Resistance to organizational change: The role of cognitive and affective processes. *Leadership and Organization Development Journal*, 22(8), 372-82.
- Yu, H., Leithwood, K., & Jantzi, D. (2002). The effects of transformational leadership on teachers' commitment to change in Hong Kong. *Journal of Educational Administration*, 40(4), 368-389.